MALAYSIA KESAL STOK TIMAH DIJUAL

DATUK PAUL LEONG

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia hari ini mengutuk tindakan Pengurus Stok Penimbal Timah menjual sebahagian dari simpanannya sewaktu harga timah di pasaran antarabangsa masih 'goncang' akibat jualan simpanan timah Amerika (GSA) ke pasaran.

"Tindakan yang tidak kena pada masanya tambah menyulitkan usaha-usaha negara pengeluar menenangkan keadaan pasaran yang masih terusik dengan tindakan Amerika," jelas Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya di sini hari ini, beliau dalam nada penuh hati-hati tetapi keras berpendapat, penjualan oleh Stok Penimbal Timah tersebut sepatutnya tidak dilakukan kerana harga bahan itu di pasaran kini hanya berada di paras pertengahan $34.98/kg.

"Saya ingin menekankan, harga timah semasa $34.7/kg tidak munasabah kepada perusahaan perlombongan kerikil di negara ini.

"Untuk separuh penggal kedua tahun 1988, kos purata perlombongan kerikil tempatan ialah $34.92/kg. Akibatnya, sepanjang tahun lepas, kira-kira 150 lombong kerikil terpaksa ditutup dan kira-kira 30 lagi dijangka menghadapi nasib yang sama pada bila-bila masa sahaja sekarang," jelasnya.

Kemerosotan

Menurutnya, antara faktor utama menyebabkan kemerosotan harga timah di pasaran antarabangsa ialah kemelesetan ekonomi negara-negara maju, 'perlonggokan' timah GSA yang berterusan sewaktu bekalan melebihi permintaan dan penjualan timah jangka pendek yang keterlalauan di pasaran London.

"Untuk memburukkan lagi keadaan, beberapa negara pengguna yang besar, berterusan menekan dengan angkuh usaha-usaha negara pengeluar untuk mendapatkan kenaikan yang wajar ke atas jarak harga stok penimbal di perjumpaan Majlis Timah Antarabangsa baru-baru ini," tambahnya.

Kenyataan Datuk Paul Leong itu, disifatkan sebagai kena pada masanya selepas kenyataan-kenyataan keras oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Malaysia termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie menyelar sikap setengah-setengah negara pengguna, terutamanya Amerika yang enggan 'memahami' kehendak negara-negara pengguna.

Datuk Musa berkata baru-baru ini, Malaysia dan negara-negara pengeluar lain, terutamanya ASEAN mungkin mengambil tindakan yang sama kerasa untuk menjamin hubungan dagangan timah yang lebih adil.

Sikap itu mendapat tindak-balas dari akhbar-akhbar asing. Akhbar 'Financial Times' menyifatkan langkah Malaysia sebagai lagis mewujudkan 'cartel' yang serupa sifatnya dengan 'cartel' negara-negara pengeluar minyak (OPEC).

Tindakan negara-negara pengeluar timah bukan sahaja akan menjejaskan hubungannya dengan negara-negara pengguna menurut Perjanjian Timah Antarabangsa yang kini buntu, tetapi juga akan 'menikam diri sendiri'.

Datuk Paul Leong bagaimanapun enggan mengulas mengenai perkara itu.

"Sebagai pengeluar, kita mempunyai hak melindungi kepentingan kita," jelasnya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia